

**WOMEN’S WITNESSES IN THE DETERMINATION OF CRESCENT:
A CONTEMPORARY DESCRIPTIVE ANALYSIS**

**PENYAKSIAN WANITA DALAM PENGISBATAN ANAK BULAN:
SATU ANALISIS KONTEMPORARI**

Khairussaadah Wahidⁱ, Nurul Kausar Nizamⁱⁱ & Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawjiⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Pusat Asasi UiTM, Dengkil, Selangor.
khairussaadahwahid@uitm.edu.my

ⁱⁱ Penyelidik, Persatuan Jurufalak Syarie Malaysia. nurulkausarnizam@gmail.com

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. saifulanwar@um.edu.my

Abstract	<p><i>Rukyah of the crescent is a method used to determine the beginning and end of the Hijrah month. With the development of astronomy, many people in the community began to specialise in astronomy, including women. Therefore, the issue of women's involvement in determining the crescent becomes a very interesting matter. Usually, the determination of the beginning of the month is done collectively by the Falak Division, the Mufti Department in each state, the Falak Research Unit of the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM), the Malaysian Survey and Mapping Department (JUPEM), amateur astronomers, and other members of the public. Based on the diversity of this background, questions arise regarding the involvement of women during observation and the acceptance of female witnesses for the determination of the crescent: is it accepted by Syarak? Thus, the objective of this study is to examine the views of scholars and experts in Islamic astronomy in Malaysia regarding the acceptance of women as witnesses for the determination of crescent. This study is qualitative research using data collection methods through documentation and field methods such as interviews. The results of the research show that the role of a woman as a witness in determining the crescent is accepted by Shariah as long as the woman is Muslim, fair, and an expert in astronomy.</i></p> <p>Keywords: <i>Crescent, Women, Witnesses, Observation, Malaysia.</i></p>
Abstrak	<p><i>Rukyah anak bulan merupakan satu kaedah yang digunakan bagi penentuan awal dan akhir bulan Hijrah. Dengan perkembangan ilmu falak, maka ramai dalam kalangan masyarakat mula menguasai ilmu falak termasuklah golongan wanita. Oleh itu, isu penglibatan wanita dalam urusan penetapan anak bulan menjadi suatu perkara yang amat menarik. Kebiasannya, penetapan awal bulan dilakukan secara kolektif oleh Bahagian Falak, Jabatan Mufti di setiap negeri, Unit Falak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), ahli amatur astronomi dan juga masyarakat awam yang lain. Berdasarkan kepelbagaian latar belakang ini, timbul persoalan berkaitan keterlibatan wanita sewaktu cerapan dan penerimaan saksi wanita bagi pengisbatan anak bulan adakah ia diterima oleh syarak? Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai pandangan ulama</i></p>

dan Pakar Falak di Malaysia berkaitan penerimaan saksi wanita bagi pengisbatan anak bulan. Kajian ini bersifat penelitian kualitatif dengan menggunakan metod pengumpulan data melalui kaedah dokumentasi dan lapangan seperti temu bual. Hasil penelitian menunjukkan bahawa penglibatan seseorang wanita sebagai saksi dalam pengisbatan anak bulan diterima oleh syarak selagi mana wanita tersebut adalah Muslim, bersifat adil serta memiliki kepakaran berkaitan ilmu falak.

Kata kunci: Anak Bulan, Wanita, Penyaksian, Cerapan, Malaysia.

PENDAHULUAN

Al-shahadah atau penyaksian adalah mengkhabarkan kebenaran seseorang kepada orang lain yang berasaskan kepada pengetahuan serta berada pada situasi tersebut. Penyaksian diperakui sebagai *wasa'il al-ihbtat* dari aspek kekuatan pengisbatan kerana ia dibina berdasarkan ilmu dan penelitian, bukannya dari tekaan dan andaian. Kaedah seperti ini diperakui oleh ulama terutamanya bagi pengisbatan hukum syarak seperti rukyah anak bulan atau isu-isu yang wujudnya perselisihan.

Walaupun secara kebiasannya penglibatan rukyah anak bulan hanya disertai oleh ahli jawatankuasa yang dilantik dan berautoriti sahaja daripada kalangan lelaki, namun pada masa kini tidak kurangnya juga golongan wanita yang berpengalaman dan memiliki ilmu berkaitan bidang falak ini turut terlibat sama turun ke lapangan sewaktu cerapan. Walaupun begitu, penglibatan golongan wanita ini adalah daripada kalangan mereka yang berpengalaman dan professional dalam bidang falak. Justeru, kajian ini ditulis bagi melihat apakah pandangan ulama dan Pakar Falak di Malaysia berkaitan penglibatan seseorang wanita sewaktu cerapan serta penerimaan penyaksian anak bulan sekiranya ia dilakukan oleh golongan wanita.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif untuk menilai pandangan ulama dan Pakar Falak di Malaysia berkaitan penglibatan wanita sewaktu cerapan anak bulan dan juga sebagai saksi bagi pengisbatan anak bulan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian perpustakaan, temu bual dan juga cerapan. Pencarian data kajian ini dilakukan dengan mengkases data-data elektronik dalam laman sesawang seperti Google Scholar, Quran.com dan Sunnah.com. Kata kunci seperti *saksi wanita*, *cerapan anak bulan*, *mazhab Shafi'i*, *pengalaman*, *penyaksian* dan lain-lain juga digunakan sewaktu pencarian data. Di samping itu, kajian ke perpustakaan dilakukan dengan mencari bahan-bahan melalui buku, artikel, jurnal dan lain-lain lagi. Responden bagi kajian ini terdiri daripada Mufti dan Timbalan Mufti Jabatan Mufti Negeri serta Pegawai Falak negeri yang terpilih. Selain itu, pengkaji juga turut turun ke lapangan bagi mengetahui keadaan sebenar sewaktu cerapan anak bulan dijalankan.

KONSEP LAFAZ *SHAHIDA* DALAM PENYAKSIAN ANAK BULAN

Nas dalam Surah al-Baqarah ayat 185 telah dinyatakan berkaitan penyaksian anak bulan iaitu:

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾

Maksudnya: “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan

(atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu. Dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir, maka (bolehlah ia berbuka kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu, pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu mencukupkan bilangan hari puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur". (Al-Quran. Al-Baqarah: 185).

Menurut Ibn Manzur, lafaz *shahida* memiliki beberapa makna iaitu pertama, hadir yang bermaksud menghadiri sesuatu majlis (Ibn Manzur, 1993). Pandangan yang sama turut diutarakan oleh ahli bahasa seperti al-Harawi (2001), Ibrahim Mustafa et al., (1995), Abu al-Hasan (2001), al-Naisaburi (1994), al-Mahalli (t.t.), al-Khatib (1964), al-Zajaj (1988), al-Tabari (1984) dan Abu al-Baq'a (t.t.). Kedua, lafaz ini merujuk kepada pengamatan dan penyaksian. Sebagai contoh, saya adalah saksi, saya menyaksikan perayaan itu dan saya memerhati ianya terbit. Maksud ini juga disandarkan kepada nas ﴿فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ﴾ bermaksud "Sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu", iaitu disandarkan kepada makna hadir menyaksikan bulan tersebut dalam keadaan bermukim, tidak bermusafir. Maka, perlulah berpuasa bagi sesiapa yang hadir dan menyaksikan peristiwa ketika itu (Ibn Manzur, 1993).

Ketiga, lafaz ini merupakan berita yang pasti berdasarkan ilmu dan penyaksian. Sebagai contoh, seorang lelaki menyaksikan dan memerhati sesuatu dengan yakin dan beliau menyampaikan berita kepada orang lain sebagaimana yang dilihat olehnya (Ibn Manzur, 1993).

Oleh itu, apabila maksud bagi lafaz *shahida* difahami dari segi bahasa, ia saling berkait di antara satu dengan yang lain, dan kebiasannya amat memerlukan dengan yang lain. Dengan itu, barangsiapa yang hadir dan berada bagi situasi tersebut, sudah tentu seseorang itu akan menyaksikan dan mampu mengamati situasi tersebut. Selain itu, dapat dijelaskan bahawa penyaksian dan pengamatan merupakan kaedah bagi memperoleh sesuatu ilmu dan seterusnya menghasilkan berita yang pasti (al-Shanqiti, t.t.)

Selain itu, Ibn Faris (2008) menyatakan bahawa lafaz *shahida* menunjukkan maksud hadir, mengetahui dan pemberitahuan, di mana ianya tidak terkeluar dari cabang penyaksian. Lafaz ini juga memerlukan bukti agar sesuatu perkara itu dapat disahkan dengan jelas. Dari segi bahasa, ia merangkumi makna yang dinyatakan seperti di atas, namun maksud yang diberikan ini terbatas bagi makna khas yang mana ia memerlukan kepada dalil dan bukti agar sesuatu perkara itu akan bertambah jelas serta perlu mengambil kira makna dari segi konteks dan hubungan ayat al-Quran bagi melihat sejauh mana kepentingannya pada salah satu makna yang diberikan tersebut. Manakala, Ibrahim Sairi (2005) merujuk lafaz *shahida* ini sebagai seseorang yang menyaksikan anak bulan. Justeru, sesiapa yang menyaksikan anak bulan dan menetap di kawasan anak bulan kelihatan, maka seseorang itu perlulah melaksanakan tuntutan untuk berpuasa.

Al-Zamakhshari (1966) juga menafsirkan lafaz *shahida* sebagai hadir, iaitu seseorang yang bermukim dan tidak bermusafir. Oleh yang demikian, seseorang yang melihat anak bulan perlulah berpuasa pada bulan tersebut. Lafaz *al-shahr* (الشهر) adalah *mansub* (منصوب) dan merupakan الظرف, maka huruf (هـ) dalam kalimah فليصمه tidak boleh menjadi *maf'ul bih*. Al-Qurtubi (2011) juga memiliki pandangan yang hampir sama dengan al-Zamakhshari, namun beliau menambah syarat berakal dan baligh bagi seseorang yang melihat anak bulan dan wajib ke atasnya untuk berpuasa. Oleh itu, seseorang yang mengetahui perihal anak bulan dan bermukim adalah diterima penyaksian tersebut. Namun, bagi seseorang yang bermusafir atau sakit, maka seseorang itu tidak diwajibkan berpuasa dan perlu menggada'kan puasa tersebut.

Menurut Ayman Muhammad 'Umar, terdapat dua kelompok yang membincangkan penafsiran dan maksud bagi lafaz ini. Pendapat pertama yang menolak kaedah hisab menyatakan lafaz *shahida* di sini merujuk kepada *fa'il* (فاعل) iaitu orang yang menyaksikan.

Justeru, hadith-hadith yang berkaitan rukyah merupakan penguat dalil bagi ayat di atas. Namun, kelompok kedua yang mengharuskan penggunaan hisab mengemukakan pandangan dengan mengambil makna lafaz *shahida* ini secara umum di mana lafaz tersebut bermaksud mengetahui. Maksud mengetahui yang dijelaskan di sini adalah memperoleh atau memiliki pengetahuan syarak bagi penetapan bulan baharu sama ada melalui kaedah rukyah mahupun hisab (al-'Umar, 2002).

Seterusnya, berdasarkan perbincangan maksud bagi lafaz *shahida* yang dikemukakan oleh ahli bahasa, iaitu hadir, mengetahui dan pemberitahuan, dapat disimpulkan bahawa barang siapa yang berada dalam bulan Ramadan perlulah berpuasa. Kedua, barang siapa yang memiliki pengetahuan dan mengetahui berkaitan bulan Ramadan hendaklah berpuasa. Seterusnya, barang siapa yang menerima perkhabaran dan makluman berkaitan bulan Ramadan, maka perlulah berpuasa. Justeru, lafaz *shahida* ini tidak hanya diterjemahkan sebagai perlunya berpuasa bagi sesiapa yang menyaksikan anak bulan kelihatan sahaja, namun makna lafaz *shahida* ini merujuk kepada barang siapa yang berada atau mengetahui tentang bulan Ramadan, maka hendaklah seseorang itu berpuasa (Zulfikar Ali Shah, 2009).

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa lafaz *shahida* ini merujuk kepada seseorang atau individu yang berada dalam bulan tertentu, mengetahui tentang sesuatu perkara berkaitan masuknya bulan tertentu ataupun menerima sesuatu berita melalui perkhabaran orang lain. Lafaz *shahida* ini juga memiliki kaitan dari sudut hukum dan kewajipan berpuasa bagi sesiapa yang berada, mengetahui dan menerima perkhabaran tersebut. Namun begitu, pada ayat terakhir dalil ini didapati bahawa terhadap pengecualian, iaitu gugur kewajipan berpuasa bagi sesiapa berada dalam keadaan bermusafir dan sakit. Justeru, kewajipan melaksanakan ibadah puasa jatuh ke atas seseorang yang beragama Islam yang mukallaf dan menetap di kawasan anak bulan kelihatan walaupun menerima perkhabaran daripada orang lain tentang anak bulan tersebut.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Saksi Muslim

Penyaksian yang diberikan daripada kalangan Muslim merupakan syarat utama dalam pengisbatan anak bulan. Hal ini dibuktikan berdasarkan kes yang pernah berlaku sewaktu cerapan anak bulan Safar 1433H bersamaan 25 Disember 2011 di Teluk Kemang di mana seorang lelaki bukan Muslim, iaitu Willian Chin telah mengaku melihat anak bulan sewaktu cerapan. Walaupun objek yang dilihat sewaktu cerapan benar menunjukkan anak bulan, namun penyaksian yang diberikan oleh Willian ini ditolak kerana beliau bukan seorang Muslim dan penyaksian yang diberikan tidak diterima bagi pengisbatan anak bulan.

Dalam hal ini, al-Gharnati (2004) dan al-Madani (1994) iaitu ulama dari mazhab Maliki menyokong bahawa perlunya saksi dari kalangan Muslim. Di samping itu, ulama Hanafi seperti al-Manbaji (1994) juga menyatakan bahawa syarat penerimaan kesaksian anak bulan adalah melalui seorang Muslim. Seterusnya, al-Tahtawi (1997) pula menegaskan bahawa penyaksian anak bulan perlu diberikan dari kalangan Muslim walaupun seseorang itu tidak diketahui keadaan halnya, sama ada saksi seorang lelaki atau perempuan, merdeka atau hamba, kerana penyaksian yang diberikan itu merupakan urusan agama.

Selain itu, pemilihan saksi dituntut dari kalangan Muslim adalah sebagai langkah berhati-hati bagi mengelakkan daripada berlakunya pendustaan. Pandangan ini disokong oleh ulama kontemporari seperti Sharf Qudah (1999) dan al-Zuhayli (2010) yang mana mereka bersepakat dengan tidak menerima sebarang penyaksian melalui orang bukan Islam kerana ia berkait rapat dengan pengisbatan anak bulan. Jika sesuatu penyaksian itu dicampuri dengan unsur tipu helah dan rekaan, maka ia tidak diakui sebagai wasilah yang benar.

Dari sudut pengamalan di Malaysia, ahli jawatankuasa yang telah dilantik merupakan saksi dan keseluruhannya daripada kalangan Muslim. Berikutan itu, segala urusan

berkaitan agama perlulah diserahkan kepada golongan yang berhak kerana ia merupakan perkara fardu yang wajib dilaksanakan bagi orang Islam (Mohamad Shukri Mohamad, 2019). Justeru itu, penyaksian bagi pengisbatan anak bulan mestilah daripada kalangan Muslim dan penyaksian yang diberikan daripada kalangan orang bukan Islam adalah tidak diterima.

Bersifat Adil

Ciri-ciri utama yang perlu dimiliki oleh seseorang saksi adalah sifat adil. Walaupun sifat adil tidak dapat dilihat secara zahir, namun memadai berdasarkan tingkah laku dan amalan kebaikan seseorang. Dalam konteks Malaysia, seseorang yang menjadi saksi perlulah diakui keperibadiannya yang mana tidak pernah melakukan jenayah yang melibatkan percabangan di mahkamah Syariah mahupun sivil, dan tidak pernah diambil tindakan tatatertib ke atasnya sepanjang perkhidmatan.

Antara alasan yang menjadi hujah bahawa perlunya saksi bersifat adil kerana penyaksian dari orang fasiq dalam urusan agama adalah tidak diterima. Ulama yang bersetuju adalah ulama dari mazhab Hanafi seperti al-Farghani (t.t.) bahawa penyaksian anak bulan perlu diberikan oleh seseorang yang adil sama ada lelaki atau perempuan, dan merdeka mahupun hamba. Al-Zayla'i (1892) dan al-Tahtawi (1997) turut mensyaratkan bahawa penyaksian bagi anak bulan Ramadan adalah melalui seseorang yang adil, yang mana kebajikannya melebihi kejahatan walaupun dalam kalangan hamba dan perempuan. Pandangan ini juga turut dipersetujui oleh ulama dari mazhab Maliki seperti al-Gharnati (2004), Ibn Rushd al-Qurtubi (1988), al-Qarafi (1994), dan al-Kharashi (t.t.).

Di samping itu, Al-Hajawi (t.t.) dan al-'Uthaymin (2000) dari mazhab Hanbali menjelaskan bahawa keterangan dari seseorang yang fasiq tidak diterima berkaitan kenampakan anak bulan. Maka, wajib berpuasa bagi seseorang yang telah melihat anak bulan dan memaklumkan kepada imam melalui penyaksian seseorang mukallaf yang adil zahir dan batin. Sekiranya penyaksian tersebut ditolak, maka puasa menjadi wajib ke atas dirinya dan orang yang mendengar penyaksian daripadanya. Pelaksanaan ibadah puasa menjadi wajib berdasarkan pemakaian umum hadith sebagaimana berikut:

{ صُومُوا لِرُؤْيَيْتِهِ وَأَفْطُرُوا لِرُؤْيَيْتِهِ }

Maksudnya: *Berpuasalah apabila kalian melihatnya (anak bulan), dan berbukalah apabila kalian melihatnya.* (Hadith. al-Bukhari. Bab Qaul Nabi SAW Idha Ra'aitumuhu. 1909).

Seterusnya, ulama daripada kalangan Shafi'iyah juga bersetuju dengan meletakkan sifat adil sebagai syarat dalam penyaksian anak bulan dengan bersandarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar. Secara logiknya adalah mustahil Ibn 'Umar melakukan pendustaan disebabkan kewarakannya. Hujah ini dipersetujui oleh al-Ansari (1994), 'Umayrah (1995), al-Qalyubi (1995) al-Sharbini (t.t.), al-Bujayrimi (1950), al-Dimyati (1997) dan al-Ghamrawi (t.t.). Dalil yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar ini adalah seperti berikut:

{ عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَخْبَرَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ رَأَيْتَ أَهْلَالَ فَصَامَ وَأَمَرَ النَّاسَ بِصِيَامِهِ }

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Umar bahawa, Aku telah memberitahu kepada Nabi Muhammad SAW bahawa Aku telah melihat anak bulan. Maka, Rasulullah SAW berpuasa serta menyuruh orang ramai untuk berpuasa.* (Hadith. Abi Dawud. Bab Fi Shahadah al-Wahid 'Ala Rukyah Hilal Ramadan. 2342).

Selain itu, al-Hadrami (2004), Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan 'Ali Sharbaji (1992) juga bersetuju dengan mengambil kira sifat adil bagi seseorang saksi adalah sebagai langkah berjaga-jaga bagi pengisbatan anak bulan. Walau bagaimanapun, ulama bersepakat untuk menerima penyaksian seseorang saksi yang adil disebabkan perkhabarannya itu lebih kuat menghampiri kebenaran berbanding pendustaan apabila sifat adil menjadi faktor utama bagi penetapan sesuatu syarat. Pendapat ini disokong oleh Taqi al-Din al-Subki

(2013) dan Ibn Qayyim. (t.t.). Sementara itu, Sharaf Qudah (1999) dan al-'Atfafi (2005) dalam kalangan ulama kontemporari juga menyokong dan meletakkan syarat adil ke atas seseorang saksi bagi menangani kesilapan dan pendustaan sewaktu penyaksian anak bulan.

Dari segi praktikal pengisbatan anak bulan di Malaysia, penyaksian anak bulan yang diterima adalah berdasarkan ketetapan syarak iaitu saksi mestilah bersifat adil dan boleh dipercayai serta penyaksiannya tidak berlawanan dengan ilmu semasa. Namun, bagi pengisbatan anak bulan terutamanya bagi bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah, penyaksian perlulah disahkan oleh ahli jawatankuasa rukyah anak bulan yang telah dilantik berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan ke atas seseorang saksi yang diketuai oleh mufti bagi setiap negeri. Jika penyaksian diberikan selain ahli jawatankuasa atau orang awam, maka ahli jawatankuasa perlu melakukan siasatan lanjut dengan bantuan mereka yang berpengalaman. Oleh itu, kenampakan anak bulan yang diberikan ini boleh diterima ataupun ditolak di atas pertimbangan dan budi bicara Ketua Jawatankuasa Rukyah Hilal dan ahli jawatankuasa yang lain (Mohd. Rashidi, 2019).

Di samping itu, Sahibus Samahah Dato' Dr. Anhar Opir (2019) Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Zulkipli Muda (2019) dan Muhammad Haniff Baderun (2020) juga menyatakan pandangan bahawa perlunya saksi bersifat adil, iaitu tidak fasiq bagi memelihara keautoritian anggota selaku ahli jawatankuasa rukyah yang telah dilantik dan dikhususkan bagi cerapan rasmi Ramadan, Syawal dan Zulhijah. Keanggotaan ahli jawatankuasa rukyah akan dipengerusikan oleh mufti dan ahli yang lain seperti hakim *shar'i*, pegawai falak, pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan pegawai sains yang memiliki kepakaran serta memenuhi sifat adil sebagai saksi.

Selain itu, Sahibus Samahah Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad (2019) pula mengutarakan pandangan perihal sifat adil bagi seseorang saksi berdasarkan konsep '*umum balwa* seperti yang dinyatakan di bawah:

"Konsep penyaksian zaman kini disesuaikan dengan konsep 'umum balwa berdasarkan isu pernikahan menurut Al-Ghazali, bahawa barang siapa yang memerlukan kepada seseorang yang adil, maka pernikahan zaman ini adalah anak zina, dan barang siapa yang menghukum wali bersifat fasiq adalah tidak sah pernikahan itu, maka keturunan yang lahir adalah anak zina."

Dalam hal ini, sifat adil yang dimaksudkan adalah dengan tidak melakukan dosa-dosa besar dan sentiasa memelihara tingkah laku. Dengan itu, bagi memilih saksi zaman kini adalah memadai dengan mempercayai sifat dan tingkah laku seseorang yang baik. Maka, tiada isu dari segi penyaksian anak bulan kerana ahli jawatankuasa rukyah yang dilantik adalah dari golongan yang terbaik dan terpilih serta berdasarkan kepakaran seseorang.

Oleh itu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab bagi setiap Jabatan Mufti Negeri untuk melantik ahli jawatankuasa rukyah dari kalangan mereka yang adil dan benar-benar layak sebagai saksi bagi pengisbatan anak bulan (Mohd. Yusof, 2019). Sebagai kesimpulan, sifat adil perlu dititikberatkan sewaktu pemilihan ahli jawatankuasa rukyah bagi menjaga kredibiliti seseorang saksi sama ada dari aspek keautoritian dan kepakaran agar pengisbatan yang dilakukan olehnya tidak dipertikai oleh masyarakat.

Berpengalaman

Al-Khibrah merupakan kepakaran seseorang yang berautoriti bagi menyampaikan berita sesuatu perkara sama ada benar atau dusta. Perkhabaran yang disampaikan olehnya adalah bersandarkan kepada ilmu dan kebenaran sesuatu perkara dengan mengambil kira faktor pengalaman dan pengamalan dalam sesuatu bidang secara praktikal. Maka, pengalaman seseorang pakar diterima oleh syarak bagi pengisbatan sesuatu hukum (al-Zuhayli, 1982).

Berdasarkan realiti di Malaysia, di samping kehadiran ahli jawatankuasa rukyah yang telah dilantik, kebanyakan mereka yang hadir sewaktu cerapan adalah mereka yang memiliki pengalaman mencerap berpuluh tahun, memiliki latar belakang pendidikan bidang falak dan ahli astrofotografi amat mahupun profesional. Oleh itu, kesaksian yang

diberikan dari kalangan mereka yang berpengalaman juga perlu dipertimbangkan untuk diterima bagi pengisbatan anak bulan walaupun mereka bukan dari kalangan ahli jawatankuasa rukyah.

Berdasarkan perkembangan pengajian falak di peringkat pengajian tinggi, bidang ini telah ditawarkan dan berkembang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) serta di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM). Oleh itu, graduan yang lahir dari bidang falak sama ada melalui peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana mahupun ijazah doktor falsafah merupakan golongan yang memiliki ilmu dan kepakaran, di samping berpengalaman dalam mengendalikan kes tertentu yang berkaitan. Maka, adalah tidak mustahil sekiranya kepakaran dan pengalaman yang dimiliki ini dijadikan syarat keutamaan dalam pemilihan ahli jawatankuasa rukyah ataupun perkhabaran yang diberikan itu diterima bagi pengisbatan anak bulan dengan mengambil kira syarat-syarat lain yang ditetapkan ke atas saksi.

Di samping itu, dengan kelahiran kumpulan penyelidik bebas berkaitan astronomi seperti *Shah Gazer*, *Sabah Star Gazer* dan *Hoshizora Astronomy Club* juga perlu diangkat kerana mereka merupakan ahli falak amatir yang amat berminat dan sentiasa melakukan cerapan langit malam. Walaupun mereka bukanlah ahli jawatankuasa rukyah, namun pengalaman mereka dalam cerapan langit malam khususnya adalah amat diperlukan mampu membezakan objek langit seperti anak bulan dan planet-planet lain, galaksi dan bintang. Namun begitu, terdapat beberapa syarat perlu diambil kira yang mana hasil cerapan yang diperolehi perlu disahkan terlebih dahulu oleh ahli jawatankuasa rukyah. Justeru, bagi ahli jawatankuasa rukyah mereka juga perlulah mahir dalam melaksanakan tugas di atas lantikan yang diberikan dengan mengetahui selok belok secara mendalam terutamanya berkaitan cerapan anak bulan dan bukannya hanya hadir ke lokasi cerapan sekadar hanya memenuhi syarat kehadiran sahaja.

Namun begitu, Sahibus Samahah Dato' Sri Dr Haji Abdul Rahman Haji Osman (2019), Khairu Anwar Yazid (2019), Shahril Azwan (2019), Mohd Zambri Zainuddin (2019), Mohd. Jumat Abd. Razak (2019) dan Kamal Mamat (2019) menjelaskan bahawa bagi urusan pentadbiran dalam pengisbatan anak bulan telah ditugaskan kepada ahli jawatankuasa rukyah bagi setiap negeri atau setiap lokasi cerapan. Bagi sesetengah lokasi, ketua cerapan diketuai oleh mufti, timbalan mufti, hakim syar'i, pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) atau pegawai falak yang telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa rukyah. Dari segi penyaksian, laporan hanya diterima berdasarkan laporan yang diberikan oleh ahli jawatankuasa rukyah sahaja. Sekiranya terdapat laporan kenampakan anak bulan yang diberikan bukan dari kalangan ahli jawatankuasa rukyah seperti golongan orang awam yang pakar dalam bidang astronomi, maka penyaksian tersebut perlu diteliti terlebih dahulu dan bergantung kepada budi bicara mufti berdasarkan *Standard of Procedure* (SOP) cerapan yang telah ditetapkan (Mohd. Yusof Ahmad, 2019).

Namun begitu, Hanafiah Abdul Razak (2019) berpandangan bahawa terdapat beberapa masalah yang timbul kerana kebanyakan orang yang mahir dalam urusan merukyah bukanlah dari kalangan ahli jawatankuasa rukyah. Justeru, pegawai falak perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam urusan merukyah agar urusan penyaksian ini dilakukan oleh orang yang benar-benar ahli dalam bidangnya. Hal yang berlaku ini merupakan realiti yang mana pegawai falak yang dilantik bagi setiap Jabatan Mufti Negeri akan bertukar-tukar posisi. Tidak dinafikan bahawa lantikan tersebut adalah tertakluk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN). Justeru, masalah yang timbul adalah kadangkala pegawai falak yang baru dilantik tidak memiliki pengalaman dalam bidang falak dan juga tiada latar belakang pengajian dalam bidang falak. Maka, pegawai-pegawai falak yang baru dilantik perlu menjalani kursus dan bengkel sebagai pemantapan dalam bidang yang baru diceburi dan pengalaman yang diperolehi oleh seseorang bukanlah dapat diperolehi dalam tempoh yang singkat. Dalam hal ini, pemilihan sebagai ahli jawatankuasa rukyah perlulah diberikan kepada mereka yang berpengalaman serta

memiliki ilmu berkaitan falak khususnya bagi mengelakkan daripada berlakunya pertikaian di atas penyaksian yang diberikan.

Menurut Syeikh Abu Bakar al-Tartushi, seseorang perlu dilantik sewaktu cerapan anak bulan jika memerlukan kepakaran yang dimiliki olehnya kerana rukyah anak bulan merupakan perkhawaran. Maka, adalah terisbat perkhawaran yang diberikan oleh seseorang walaupun dari kalangan wanita mahupun hamba. Namun, jika ia melibatkan perkara fardu seperti berpuasa dan berbuka, maka ia haruslah diberikan melalui dua orang saksi yang adil kerana ia melibatkan bab penyaksian (Ibn Farhun, 1958).

Abu Walid al-Baji pula berpandangan bahawa kata-kata seseorang boleh diterima kerana ia merupakan perkhawaran yang disandarkan dengan *al-qarinah* melalui pengalaman dan kepakaran yang dimiliki. Sebagai contoh, sewaktu zaman sahabat, mereka telah membantah terhadap tindakan Rasulullah SAW yang menghantar barang rompakkan kepada Abi Qatadah berdasarkan kata-kata seseorang tanpa disertai dengan sumpah. Situasi ini menunjukkan sekiranya hal seperti ini berlaku, adalah memadai dengan menerima kepakaran seseorang sahaja kerana ia hanyalah perkhawaran atau berita, dan bukannya penyaksian (Ibn Farhun, 1958).

Di samping itu, mazhab Maliki menerima kepakaran dari kalangan lelaki ataupun wanita serta tidak mensyaratkan bilangan kerana ia hanyalah pengalaman dan ilmu yang dimiliki seseorang. Namun, dalam mazhab Maliki mensyaratkan bilangan pakar bagi perkhawaran yang melibatkan soal ibadah seperti pengisbatan anak bulan Ramadan adalah melalui dua orang yang adil kerana ia termasuk dalam bab penyaksian (Ibn Farhun, 1958). Manakala, mazhab Hanbali menerima perkhawaran melalui seorang pakar sahaja, namun adalah lebih baik jika perkhawaran itu diberikan oleh dua orang pakar. Namun begitu, kepakaran seseorang wanita yang adil juga diterima bagi situasi yang tidak melibatkan golongan lelaki seperti aib wanita, haid, wiladah, susuan dan seumpamanya (Ibn Farhun, 1958; al-Bahuti, 1987).

Walaupun begitu, pendapat yang *mu'tamad* dalam mazhab Shafi'i (al-Zuhayli, 2011) adalah seseorang wanita tidak boleh menjadi saksi dalam perkara tersebut. Namun terdapat pendapat lain dalam mazhab Shafi'i yang membolehkan saksi dalam kalangan wanita berdasarkan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki (al-Nawawi, t.t.). Dalam hal ini, Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Zulkipli Muda (2020) bersetuju bahawa kepakaran yang dimiliki oleh wanita dipertimbangkan sebagai saksi kerana ia merupakan *khobar dini* seperti peranan wanita dalam meriwayatkan hadith, pengkhabaran masuk waktu solat, hal kiblat dan begitu juga pengkhabaran berkaitan kenampakan anak bulan. Seterusnya, Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd. Tamyas Abd. Wahid (2020) juga menyokong saksi dari kalangan wanita dengan syarat bahawa wanita tersebut Muslim, mempunyai kepakaran dan ilmu serta memiliki kepercayaan yang tinggi daripada masyarakat. Ini kerana, isu penyaksian anak bulan bukanlah isu kesaksian yang melibatkan isu jenayah, perkahwinan atau harta.

Oleh yang demikian, pengalaman, kepakaran dan ilmu dalam bidang falak yang dimiliki oleh golongan wanita kini juga perlu dipertimbangkan. Hal ini kerana kepakaran yang dimiliki oleh ahli falak wanita adalah setanding dengan kepakaran daripada kalangan ahli falak lelaki, dengan bersandarkan kepada hasil kajian-kajian yang dijalankan secara praktikal, bersumberkan dalil-dalil tertentu dan memakan masa bertahun-tahun sehingga menjadi seorang pakar yang berpengalaman.

PENUTUP

Seperti sedia maklum, pelaksanaan rukyah ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Mufti di setiap negeri. Oleh itu, ahli jawatankuasa rukyah yang dilantik adalah mereka yang terdiri daripada kalangan yang berautoriti dan profesional. Pandangan ulama dan Pakar Falak di Malaysia cenderung untuk menerima penyaksian wanita bagi pengisbatan anak bulan berdasarkan ciri dan sifat yang telah ditetapkan ke atas seseorang saksi serta kepakaran yang dimiliki oleh ahli falak wanita tersebut. Kepakaran daripada kalangan wanita juga diperlukan bagi menyumbang dalam perkembangan ilmu dalam bidang falak.

RUJUKAN

Buku

- al-'Attafi, Sayyid Ahmad. (2005). *Mizan al-I'tidal Fi Thubut Ru'yah al-Hilal*. Iskandariah: Dar al-Jami'ah al-Jadidah.
- al-'Uthaymin, Muhammad bin Salih bin Muhammad. (2000). *Al-Sharh al-Mumti' 'Ala Zad al-Mustaqni'*. Bayrut: Dar Ibn Jauzi.
- al-Ansari, Zakariyya bin Muhammad bin Ahmad. (1994). *Fath al-Wahhab Bi Sharh Manhaj al-Tullab*. Bayrut: Dar al-Fikr Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr.
- al-Ansari, Zakariyya bin Muhammad bin Ahmad. (1997). *Manhaj al-Tullab Fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i Radiallu 'Anhu*. Bayrut: Dar Al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bahi, Ahmad Abd al-Mun'im. (1965). *Min Turuq al-Ithbat Fi al-Shariah Wa al-Qanun*. Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il Abu 'Abd Allah. (2001). *Sahih Bukhari*. Damshiq: Dar Tuq al-Najah.
- al-Dimyati, Abu Bakr bin Muhammad Shata. (1997). *I'annah al-Talibin 'Ala Hilli Alfaz Fath al-Mu'ayyin*. Bayrut: Dar al-Fikr Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzi'.
- al-Farghani, 'Ali bin Abi Bakr bin Abd al-Jalil. (t.t.). *Al-Hidayah Fi Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Ghamrawi, Muhammad al-Zuhri. (t.t.). *Al-Sirraj Al-Wahhaj 'Ala Matan Al-Minhaj*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr.
- al-Gharnati, Muhammad bin Yusuf bin Abi al-Qasim bin Yusuf al-'Abdari. (2004). *Al-Taj Wa al-Iklil Li Mukhtasar Khalil*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hadrami, Sa'id bin Muhammad Ba'ali. (2004). *Sharh al-Muqaddimah al-Hadramiyyah al-Musamma Bushra al-Karim Bi Sharh Masail al-Ta'lim*. Jeddah: Dar al-Minhaj Li al-Nashr Wa al-Tauzi'.
- al-Hajawi, Musa bin Ahmad bin Musa bin Salim bin Isa bin Salim. (t.t.). *Al-Iqna' Fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Jamal, Sulaiman Ibn 'Umar. (1935). *Hashiyah al-Jamal 'Ala Sharh al-Minhaj Li al-Ansari*. Qahirah: Matba'ah al-Maktabah al-Tijariyyah.
- al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad. (1960). *Al-Ta'rifat*. Qahirah: Maktabah Sabih.
- al-Kharashi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah. (t.t.). *Sharh Mukhtasar Khalil*. Bayrut: Dar al-Fikr Li al-Tiba'ah.
- al-Khin, Mustafa, Al-Bugha, Mustafa dan 'Ali Sharbaji. (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i Rahimahullah*. Damshiq: Dar al-Qalam Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzi'.
- al-Madani, Malik bin Anas bin Malik bin Amir al-Ashabi. (1994). *Al-Mudawwanah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Manbaji, Jamal al-Din Abu Muhammad 'Ali bin Abi Yahya Zakariya bin Mas'ud al-Ansari al-Khazraji. (1994). *Al-Lubab Fi al-Jam' Baina al-Sunnah Wa a-Kitab*. Bayrut: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhy al-Din bin Sharaf. (t.t.). *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*. Bayrut: Dar Al-Fikr.
- al-Qarafi, Abu al-'Abbas Shihab al-Din Ahmad bin Idris bin Abd al-Rahman. (2003). *Anwar al-Buruq Fi Anwa' al-Furuq*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahl. (1993). *Al-Mabsut*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (1968). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Alfaz al-Minhaj*. Qahirah: Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Bayrut: Dar Al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (t.t.). *Al-Iqna' Fi Hilli Alfaz Abi Shuja'*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Subki, Taqi al-Din 'Ali bin Abd al-Kafi. (2013). *Adillah Fi Ithbat al-Ahillah*. Ed. Samirah Dawud al-'Ani. Bayrut: Dar al-Fath Li al-Dirasat Wa al-Nashr.
- al-Tahtawi, Ahmad bin Muhammad bin Isma'il. (1997). *Hashiyah al-Tahtawi 'Ala Muraqi al-Falah Sharh Nur al-Idah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Zayla'i, Fakhr al-Din. (1982). *Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq Wa Hashiah al-Shilbi*. Qahirah: Al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- al-Zuhayli, Muhammad. (2011). *Al-Mu'tamad Fi Fiqh al-Shafi'i*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhayli, Mustafa. (1982). *Wasail al-Ithbat Fi al-Shariah al-Islamiyyah Fi al-Muamalat al-Madaniyyah Wa alAhwal al-Shahsiyyah*. Damshiq: Maktabah Dar al-Bayan.
- al-Zuhayli, Wahbah bin Mustafa. (2010). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami Wa Al-Qadaya al-Mu'asarah*. Dasmhiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Farhun, Ibrahim bin 'Ali. (1958). *Tabsirah al-Hukkam Fi Usul al-Aqdiyyah Wa Manahij al-Ahkam*. Qahirah: Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- Ibn Qudamah, Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad al-Maqdisi. (1945). *Al-Mughni*. Misr: Dar al-Manar.
- Ibn Rushd al-Qurtubi, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad. (1988). *Al-Muqaddimat al-Mumahhidat*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Mansur bin Yunus bin Salah al-Din Ibn Hasan bin Idris. (1987). *Al-Kashshaf al-Qina' 'An Matan al-Iqna'*. Mesir: Al-Matba'ah al-'Amirah al-Sharafiyyah.
- Qal'aji, Muhammad Rawas & Qunaibi, Hamid Sadiq. (1988). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. T.tp.: Dar al-Nafais Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzi'.

Jurnal

- Sharf Qudah. (1999). Thubut al-Shahr al-Qamari Baina al-Hadith al-Nabawi Wa 'Ilmi al-Hadith. *Majallah al-Dirasah Jami'ah Urdun*, 26 (2), 6-10.

Temu bual

- Hanafiah Abdul Razak. Pakar Falak JAKIM. 22 Januari 2019.
- Kamal Mamat. Penolong Kanan Mufti (Falak), Jabatan Mufti Terengganu. 29 Mei 2019.
- Khairul Anuar Yazid. Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Kajian Falak, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM. 15 Januari 2019.
- Mohd Zambri Zainuddin. Profesor Kehormat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 8 Mei 2019.
- Mohd. Jumat Abd. Razak. Ketua Bahagian Falak, Pejabat Mufti Negeri Sabah. 22 April 2019.
- Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd. Tamyas Abd. Wahid. Mufti Negeri Selangor. 9 September 2020.
- Sahibus Samahah Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad. Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, 12 Mei 2019.
- Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohd. Yusof Hj. Ahmad. Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. 22 Mei 2019.
- Sahibus Samahah Dato' Sri Dr Haji Abdul Rahman Haji Osman. Mufti Negeri Pahang. 27 Mac 2019.
- Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Zulkipli Muda. Mufti Negeri Terengganu. 7 September 2020.
- Sahibus Samahah Dr. Anhar Opir. Timbalan Mufti Selangor. 11 April 2019.
- Shahril Azwan Hussin. Penolong Mufti, Unit Falak, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 16 Januari 2019.

Tesis

- al-'Umar, Ayman Muhammad 'Umar. (2002). *Al-Mustajiddat Fi Wasail al-Ithbat*. Tesis Kedoktoran, Universiti Jordan.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.